

## MEMPERKASAKAN PELAKSANAAN PEDAGOGI TERBEZA DALAM PENGAJARAN AKIDAH

*Empowering the implementation of different pedagogy in the teaching of faith*

Zuraidah Abdul\*, Hafizhah Zulkifli, Zamri Mahamod

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 43600 Selangor, Malaysia

\*Corresponding author: [hafizhah\\_zulkifli@ukm.edu.my](mailto:hafizhah_zulkifli@ukm.edu.my)

**Published:** 26 June 2023

**To cite this article (APA):** Abdul, Z., Zulkifli, H., & Mahamod, Z. (2023). Empowering the implementation of different pedagogy in the teaching of faith: Memperkasakan pelaksanaan pedagogi terbeza dalam pengajaran akidah. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16(1), 11–21. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol16.1.2.2023>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/bitara.vol16.1.2.2023>

### ABSTRAK

Pelbagai usaha telah dijalankan bagi memastikan semua murid mendapat pendidikan yang terbaik. Namun begitu, pada hari ini isu keciciran murid dalam pembelajaran masih lagi menjadi isu utama yang dibincangkan dalam dunia pendidikan. Oleh yang demikian, satu pendekatan pengajaran yang lebih fleksibel telah diperkenalkan iaitu pedagogi terbeza yang merupakan salah satu pendekatan pengajaran kontemporari yang diimplementasikan dalam Pembelajaran Abad ke-21 bertujuan menangani isu kepelbagaian murid. Melalui pendekatan ini guru akan mengubahsui beberapa aspek dalam pengajaran iaitu kandungan, proses, hasil dan persekitaran pembelajaran agar tiada murid yang keciciran. Oleh yang demikian, kertas konsep ini membincangkan tentang konsep dan langkah pelaksanaan pedagogi terbeza dengan berfokus kepada pengajaran akidah sekolah rendah. Selain itu, turut dibincangkan cabaran pelaksanaan pendekatan ini dalam pengajaran serta implikasinya terhadap guru, murid, sekolah, JPN dan institut latihan guru. Penulisan kertas konsep ini akan memanfaatkan semua pihak dalam institusi pendidikan terutamanya dalam memastikan semua warga pendidik mengamalkan pendekatan pengajaran yang berkesan di samping sentiasa menambah baik amalan pengajaran yang meraikan kepelbagaian murid.

**Kata kunci:** Pedagogi terbeza, kepelbagaian murid, pengajaran akidah, pedagogi, guru Pendidikan Islam

### ABSTRACT

*Efforts have been made to ensure that all students receive the best education possible. However, today the issue of student disengagement in learning is still a major issue discussed in the world of education. Thus, a more flexible teaching approach has been introduced, namely differentiated pedagogy which is one of the contemporary teaching approaches implemented in 21st Century Learning aimed at addressing the issue of student diversity. Through this teacher's approach will customize several aspects of teaching i.e. content, process, outcomes and learning environment so that no student is left behind. Thus, this concept paper discusses the concept and implementation steps of differentiated pedagogy with a focus on teaching Akidah in primary schools. In addition, the challenges of implementing this approach in teaching and its implications for teachers, students, schools, JPNs and teacher training institutes are discussed. The writing of this concept paper will benefit all parties in educational institutions especially in ensuring that all members of the teaching community practice effective teaching approaches while always improving teaching practices that celebrate the diversity of students.*

**Keywords:** Differentiated pedagogy, student diversity, Akidah Education, pedagogy, Islamic Education teacher

## PENGENALAN

Bermula pada tahun 2019, pengasingan kelas mengikut tahap pencapaian akademik murid telah dimansuhkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Hal ini telah memberikan satu cabaran kepada dunia pendidikan yang telah sekian lama mengamalkan budaya pengasingan kelas (KPM, 2018). Walau bagaimanapun, setiap individu berhak untuk mendapat peluang pendidikan yang sama walaupun mereka mempunyai minat, profil pembelajaran dan kecerdasan yang berbeza. Gaya pengajaran guru yang masih berkonsepkan *one-size-fits-all* tidak lagi sesuai dibudayakan dalam pengajaran pada masa kini kerana murid akan mengalami kesukaran untuk menguasai dan memahami isi pelajaran (Zurina et al., 2021b). Hal ini selari dengan pendapat Hamir Hamzah dan Mohamad Hilmi (2019) yang menekankan bahawa setiap guru perlu meraikan kepelbagaian murid kerana dengan itu, murid akan melibatkan diri secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan seterusnya objektif yang dirancang dapat dicapai. Guru juga perlu memahami keperluan pelaksanaan sesuatu pendekatan dalam pengajaran agar penguasaan dalam sesuatu pengajaran dapat dicapai (Rosyati & Kamariah, 2022).

Kepelbagaian murid di dalam satu kelas yang sama memerlukan satu kaedah pengajaran yang lebih luas dan fleksibel agar tiada murid yang keciciran. Oleh itu, pedagogi terbeza tampil sebagai jawapan di mana pendekatan ini memenuhi keperluan pembelajaran dan memberi peluang pembelajaran yang sama kepada setiap murid agar mereka mampu belajar secara optimum mengikut aras kognitif dan situasi pembelajaran mereka (Zamri et al., 2015). Menyedari perkara ini, KPM (2018) telah mempertanggungjawabkan IPG Kampus Bahasa Melayu untuk membangunkan Modul Pedagogi Terbeza di bawah Inisiatif Pemartabatan Pendidikan Bahasa Melayu. Di samping itu, KPM (2019) melalui Pejabat Pendidikan Daerah Seberang Perai Tengah juga telah membina satu Manual Pembelajaran Terbeza untuk membantu para guru mengaplikasikan pendekatan ini dalam pengajaran mereka. Kemudian pada tahun 2022, KPM melalui Bahagian Pendidikan Kurikulum telah membina satu Modul Pedagogi Terbeza sebagai panduan buat semua guru dan warga pendidikan.

Segala usaha yang dilakukan oleh KPM ini adalah untuk memastikan semua guru menguasai pelaksanaan pendekatan pedagogi terbeza ini terutamanya dalam meniti arus Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) yang semakin mencabar. Guru Pendidikan Islam juga tidak terkecuali dalam menggalas tanggungjawab ini. Oleh yang demikian, menjadi satu tanggungjawab bagi semua guru Pendidikan Islam untuk memastikan pendekatan ini diimplementasikan dalam pengajaran terutamanya dalam bidang akidah yang merupakan teras kepada pelaksanaan syariat secara menyeluruh (Al-Baqarah:217). Mohd Haidi (2021) menyatakan dalam kajiannya bahawa antara bidang yang paling sukar difahami oleh murid dalam pengajaran Pendidikan Islam di sekolah ialah bidang akidah. Hal ini kerana ia melibatkan konsep keyakinan yang mantap di lubuk hati dan memerlukan kejelasan fikiran yang dikukuhkan dengan dalil yang jelas. Oleh yang demikian, kertas konsep ini akan membincangkan konsep pelaksanaan pedagogi terbeza dalam pengajaran akidah beserta elemen dan strategi pelaksanaannya. Di samping itu, turut dibincangkan cabaran dan implikasi pelaksanaannya terhadap guru, murid dan institusi pendidikan.

## PERNYATAAN MASALAH

Dalam mendepani era globalisasi yang semakin pesat membangun ini, murid terdedah kepada pelbagai isu berkaitan akidah dan keruntuhan akhlak terutama dalam kalangan remaja. Akidah merupakan teras dalam setiap tindakan individu (Nor Azizah et al., 2019) yang memandu tingkah laku seseorang. Sehubungan dengan itu, pembinaan akidah yang mantap perlu ditanam dalam diri setiap murid sejak dari sekolah rendah lagi. Guru Pendidikan Islam memainkan peranan penting bagi memastikan pengajaran bidang akidah yang diajar di sekolah dapat dihayati dan difahami dengan baik oleh setiap murid. Oleh yang demikian, pendekatan pengajaran yang berkesan perlulah diaplikasikan bagi memastikan pembentukan akidah yang mantap dalam diri setiap murid melalui pengajaran akidah dalam Pendidikan Islam di sekolah dapat dilaksanakan.

Guru merupakan individu yang bertanggungjawab dalam memastikan pelaksanaan kaedah pengajaran yang berkesan di dalam bilik darjah. Seorang guru perlulah peka terhadap perkembangan semasa dalam pendidikan terutamanya dalam pelaksanaan pendekatan pengajaran kontemporari bagi memastikan tiada murid yang keciciran. Perubahan yang pesat mendorong kepada perubahan dalam pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 (Nor Shahida, Abdul Rahim & Kama, 2023). Namun begitu, menurut kajian lepas, guru masih terikat dengan gaya pengajaran tradisional yang berpusatkan kepada guru seperti kaedah syarahan (Zurina et al., 2021c; Rosidah & Nurahimah, 2020). Guru juga masih cenderung mengaplikasikan gaya pengajaran *one-size-fits-all* yang tidak meraikan kepelbagaian murid. Hal ini selari dengan kajian Norfarahzatul et al. (2022) yang menyatakan bahawa gaya pengajaran guru adalah antara faktor penyumbang kepada masalah keciciran murid.

Pendekatan pedagogi terbeza merupakan pendekatan yang diperkenalkan oleh KPM seiring dengan pelaksanaan Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) bagi menangani isu kepelbagaian murid. Setiap murid berhak mendapat pendidikan yang terbaik walaupun mereka mempunyai tahap kemampuan yang pelbagai. Namun begitu, kajian menunjukkan tahap pengetahuan guru terhadap pendekatan pedagogi terbeza masih di tahap rendah (Danial Arif & Zamri, 2020). Di samping itu, kajian Zurina et al. (2021c) pula menunjukkan bahawa tahap pengetahuan dan amalan pedagogi terbeza dalam kalangan guru Pendidikan Islam masih di tahap sederhana. Kebanyakan guru terutamanya guru novis masih kurang pendedahan tentang pendekatan ini yang membawa kepada kurangnya pelaksanaan di dalam bilik darjah. Hal ini menunjukkan bahawa perlunya penyebaran yang lebih meluas terhadap pendekatan pedagogi terbeza ini agar ia dapat diimplementasikan dengan baik dalam pengajaran terutamanya dalam kalangan guru Pendidikan Islam.

### **Konsep Pedagogi Terbeza**

Pedagogi merupakan disiplin yang berkait rapat dengan teori dan amalan pengajaran yang menghasilkan pembelajaran yang lebih bermakna (Abd Khahar & Hapsah 2021). Pedagogi terbeza pula merujuk kepada pendekatan pengajaran kontemporari yang digunakan secara proaktif oleh guru bagi memenuhi kepelbagaian murid mengikut aras kognitif dan melibatkan pengubahsuaian dari sudut kandungan, proses, produk dan persekitaran pembelajaran (Zurina et al., 2021b; Tomlinson, 1999; Ain Nur Atika, 2021). Menurut Siti Aishah dan Che Suriani (2018), melalui pengajaran terbeza murid dapat mengoptimumkan pembelajaran mengikut kefahaman mereka.

Hal ini selari dengan pendapat Danial Ariff dan Zamri (2020) yang menyatakan pendekatan ini mengambil kira tahap pembelajaran murid, kecenderungan serta kemampuan yang dimiliki bagi mencapai objektif pembelajaran. Oleh yang demikian, secara umumnya, pedagogi terbeza boleh ditakrifkan sebagai satu kaedah pengajaran yang mengambil kira kepelbagaian murid di dalam bilik darjah dalam menentukan pemilihan isi kandungan, proses, produk dan persekitaran pembelajaran bagi memastikan semua murid mendapat kefahaman mengikut tahap kognitif masing-masing.

### **Elemen Pedagogi Terbeza**

Menurut Tomlinson (2014), terdapat empat elemen utama dalam pengajaran yang boleh diubahsuai mengikut kepelbagaian murid iaitu kandungan, proses, produk dan persekitaran. Pengubahsuaian yang dilakukan oleh guru dalam pelaksanaan pedagogi terbeza boleh melibatkan keempat-empat elemen tersebut atau pun hanya salah satu elemen sahaja mengikut kesesuaian murid. Kandungan merujuk kepada kurikulum yang diajar kepada murid. Guru proaktif membezakan dan mengubah suai isi kandungan pengajaran supaya sesuai dengan aras kemampuan murid yang pelbagai (Zurina et al., 2021b). Guru boleh merujuk Hierarki Taksonomi Bloom (2001) dalam membezakan penguasaan kandungan dalam kalangan murid.

Keterbezaan dari segi proses pula adalah murid melakukan aktiviti yang sama tetapi melalui proses yang berbeza (Siti Aishah & Che Suriani 2018). Selain itu, proses juga merujuk kepada bagaimana isi kandungan itu dipelajari. Setiap murid mempunyai gaya belajar yang berbeza sama ada secara visual,

auditori, kinestetik atau pun lisan. Muzarina et al. (2019) dalam kajiannya telah menerangkan secara terperinci mengenai kecenderungan gaya belajar murid berdasarkan setiap kecenderungan kecerdasan yang lebih dominan yang mereka miliki. Di samping itu, murid juga boleh memilih untuk belajar secara individu, berpasangan ataupun secara berkumpulan. Hal ini kerana setiap murid memerlukan bimbingan dan sokongan yang berbeza dalam menguasai pembelajaran (KPM, 2019). Seterusnya, pengubahsuaian dari segi produk pula adalah hasil yang dipamerkan oleh murid pada akhir pembelajaran untuk menunjukkan pemahaman dan penguasaan kandungan isi pelajaran. Murid menghasilkan produk yang pelbagai sama ada dalam bentuk laporan, projek, ujian dan sebagainya mengikut gaya pembelajaran mereka yang berbeza-beza. Namun begitu, respons murid kepada persoalan guru tidak dinamakan sebagai produk kerana produk merujuk kepada hasil kemuncak yang diperolehi oleh murid selepas proses pengajaran dan pembelajaran (Tomlinson, 2014).

Di samping itu, elemen persekitaran pembelajaran pula merujuk kepada ruang yang diperuntukkan untuk pembelajaran (Siti Aishah & Che Suriani 2018). Persekitaran juga merujuk kepada iklim pembelajaran yang kondusif sama ada di dalam bilik darjah atau pun di luar bilik darjah yang memberi fungsi kepada murid (Zurina et al., 2021b). Guru secara fleksibel bebas menentukan kedudukan murid di dalam kelas selagi mana persekitaran itu kondusif untuk melaksanakan pembelajaran. Di samping empat elemen ini, dalam merancang pengubahsuaian pengajaran, guru perlulah mengambil kira tiga aspek kepelbagaian murid iaitu kesediaan murid, minat dan profil pembelajaran (Tomlinson, 2017). Kesediaan murid merangkumi pengetahuan, pemahaman dan kemahiran terhadap isi pelajaran. Minat pula merujuk kepada semangat dan perasaan ingin tahu dalam diri murid terhadap sesuatu pelajaran manakala profil pembelajaran ialah gaya belajar, kecerdasan, jantina dan budaya yang diamalkan murid. Menurut Zamri et al. (2015), para guru akan dapat merancang proses pengajaran dengan lebih baik apabila mereka memahami kewujudan kepelbagaian murid ini.

### **Kerelevanan Teori Konstruktivisme Vygotsky, Pemikiran Ibnu Sahnun dan Model Pengajaran Al-Ghazali dalam Pelaksanaan Pedagogi Terbeza**

Teori Konstruktivisme Vygotsky menekankan peranan murid sebagai pembina pembelajaran dan peranan guru sebagai fasilitator dalam membimbing murid. Teori ini telah memperkenalkan Zon Perkembangan Proksimal (ZPD) yang merujuk kepada jurang antara apa yang murid mampu lakukan tanpa bantuan dan apa yang murid mampu lakukan dengan bantuan orang lain. Seterusnya, konsep ZPD ini telah berkembang dan membawa kepada membangunnya Konsep Bantuan Perancah (Scaffolding) iaitu semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku, guru mengubah suai tahap sokongan dan bimbingan yang diberikan mengikut tahap keupayaan dan keperluan murid. Melalui konsep Scaffolding ini setiap murid yang mendapat bimbingan sewajarnya akan mendapat peluang dalam mengembangkan pengetahuan mereka walaupun mereka berbeza dari segi kecerdasan, minat dan latar belakang.

Di samping itu, dalam konteks pemikiran tokoh-tokoh Islam pula, Ibnu Sahnun dan al-Ghazali mempunyai pendapat yang saling melengkapi dalam membahaskan strategi pengajaran seorang pendidik. Ibnu Sahnun telah membincangkan konsep keadilan kepada murid dalam kitab beliau yang cukup dikenali dalam bidang pendidikan ialah Kitab al-Adab Mua'llimun (Zurina et al., 2021a). Kitab ini merupakan karya pertama yang membahaskan mengenai teori pengajaran dan pembelajaran secara khusus. Ibnu Sahnun berpandangan bahawa peranan guru merupakan elemen terpenting dalam pendidikan. Beliau menyatakan pendidikan dan pengajaran dapat mengembangkan keperibadian anak didik sesuai dengan nilai-nilai Islam yang sebenar (Rafika Ulfa, 2019).

Ibnu Sahnun juga menggariskan bahawa seorang guru perlu memiliki kepandaian dan kreatif dalam menyampaikan pengajaran yang pelbagai serta memberikan perhatian terperinci terhadap psikologi dan kemajuan setiap anak didiknya. Menurut Mohammad Syafiq (2020), pemikiran Ibnu Sahnun di dalam Kitab al-Adab Mua'llimun yang memfokuskan kepada kaedah-kaedah pengajaran dan keadilan kepada semua murid ialah bersesuaian dengan pendekatan pedagogi terbeza. Al-Ghazali pula mengupas tentang strategi pengajaran guru dalam kitab beliau yang terkenal iaitu Ihya' Ulum al-Din khusus dalam bab ilmu pengetahuan (Nursafra et al., 2022).

Al-Ghazali menggariskan bahawa guru berperanan memastikan pengajaran yang menarik bagi mengelakkan murid berasa bosan dan keliru. Guru juga perlu memerhati kesesuaian penyampaian ilmunya dengan tahap kemampuan murid dan sebegitu juga dalam konteks pemberian tugas. Murid yang lemah dan murid yang turus kedua-duanya tidak diabaikan namun diberikan tugas yang mampu meningkatkan potensi masing-masing sesuai dengan kemampuan mereka. Al-Ghazali menekankan bahawa guru bukan sekadar penyampai namun juga pembimbing dalam sebuah pengajaran yang berpusatkan murid. Garis panduan dalam pengajaran yang dibincangkan oleh kedua-dua tokoh Islam ini adalah bertepatan dengan pelaksanaan pedagogi terbeza yang amat menitikberatkan keadilan dalam penyampaian pengajaran.

## **PERBINCANGAN PELAKSANAAN PEDAGOGI TERBEZA DALAM PENGAJARAN AKIDAH**

Berdasarkan Modul Pedagogi Terbeza yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum KPM (2022), terdapat lima prinsip utama yang perlu difahami oleh semua guru bagi memastikan pelaksanaan pedagogi terbeza yang berkesan. Prinsip-prinsip tersebut ialah kualiti kurikulum, persekitaran yang menyokong, pentaksiran berterusan, pengajaran responsif dan pengurusan yang fleksibel. Prinsip kualiti kurikulum merujuk kepada pelaksanaan kurikulum yang mencapai matlamat pembelajaran iaitu dengan berpandukan Dokumen Standard Kurikulum dan Prestasi (DSKP) serta sukatan pelajaran yang telah ditetapkan oleh KPM. Persekitaran pula melibatkan penyediaan ruang pembelajaran yang kondusif bagi menyokong pelaksanaan pedagogi terbeza. Seterusnya, guru perlu melaksanakan pentaksiran yang berterusan sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran bagi memastikan tahap pencapaian setiap murid dapat dikenal pasti dengan jelas. Hal ini dapat membantu guru dalam merancang elemen pengubahsuaian dalam pedagogi terbeza. Prinsip keempat pula merujuk kepada pelaksanaan pengajaran yang responsif agar dapat memenuhi kepelbagaian murid dari sudut keupayaan kognitif mereka dan yang terakhir ialah pelaksanaan pengajaran yang fleksibel iaitu mengambil kira kesediaan, minat dan profil pembelajaran murid.

## **LANGKAH PELAKSANAAN**

Sebelum sesi pengajaran, guru perlu menjalankan praujian untuk mengenal pasti tahap pengetahuan sedia ada murid mengenai topik yang akan dipelajari. Praujian ini boleh berlaku secara tidak langsung sama ada melalui soal jawab, pemerhatian, penilaian sendiri ataupun menggunakan senarai semak. Melalui praujian ini, guru dapat membentuk kumpulan murid yang homogen di samping dapat merangka peringkat pengajaran seterusnya dengan melakukan pengubahsuaian kandungan, proses, produk atau persekitaran. Melalui pengelompokan murid, guru dapat mengenal pasti elemen manakah yang seharusnya diubahsuai dan dipelbagaikan. Di samping itu, pentaksiran dilakukan secara berterusan sepanjang sesi pembelajaran bagi membantu guru menambak baik pengajaran agar semua murid dapat menguasainya mengikut tahap kefahaman masing-masing. Setelah itu, penilaian yang dibuat oleh guru sepanjang sesi pembelajaran dapat menjadi panduan untuk menentukan pemulihan dan intervensi yang terbaik bagi murid yang memerlukan.

**Jadual 1** Contoh Rancangan Pengajaran Harian mengimplementasikan pedagogi terbeza bidang akidah

<b>Mata Pelajaran</b>	: Pendidikan Islam
<b>Bidang</b>	: Akidah
<b>Tahun</b>	: Tahun 3
<b>Masa</b>	: 1 jam
<b>Topik</b>	: Nama Allah al-Alim dan Al-Hakim
<b>Standard Kandungan</b>	<b>Standard Pembelajaran</b>
3.1 Merumus konsep nama Allah al-Alim dan al-Hakim serta mengaplikasi dalam kehidupan harian secara beradab dan istiqamah.	3.1.1 Menyatakan pengertian nama Allah al-Alim dan al-Hakim. 3.1.2 Membaca dalil naqli dan ertinya
<b>Objektif Pembelajaran</b>	
Di akhir sesi pengajaran dan pembelajaran, murid dapat:	
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menerangkan pengertian nama Allah al-Alim dan al-Hakim dengan tepat.</li> <li>2. Membaca dalil naqli nama Allah al-Alim dan al-Hakim beserta ertinya dengan betul.</li> </ol>	
<b>Rangka Pengajaran</b>	<b>Elemen Pedagogi Terbeza</b>
<b>Praujian (Soal jawab dan Pemerhatian) Aktiviti Pemula:</b>	<b>Kandungan (Sama)</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>- Terdapat berapakah nama Allah yang kamu ketahui?</li> <li>- Pernahkah kamu mendengar nama Allah al-Alim dan al-Hakim?</li> <li>- Murid diperdengarkan lagu Asmaul Husna dan menyanyikan bersama-sama</li> </ul>	<p><u>Kumpulan Pintar:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Murid menyatakan pengertian nama Allah al-Alim dan al-Hakim</li> <li>- Murid membaca dalil naqli dan ertinya</li> </ul> <p><u>Kumpulan Permata:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Murid menyatakan pengertian nama Allah al-Alim dan al-Hakim</li> <li>- Murid membaca dalil naqli dan ertinya</li> </ul>
<b>Aktiviti Utama:</b>	<b>Proses (Beza)</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>- Sumbang saran pengertian nama Allah al-Alim dan al-Hakim</li> <li>- Membaca dalil naqli dan ertinya</li> </ul>	<p><u>Kumpulan Pintar:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Murid diminta menulis pengertian nama Allah al-Alim dan al-Hakim dalam tulisan rumi berdasarkan teks jawi dalam buku teks.</li> <li>- Murid membaca dalil naqli secara berkumpulan.</li> </ul> <p><u>Kumpulan Permata:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Murid menyusun kad perkataan pengertian al-Alim dan al-Hakim yang disediakan guru</li> <li>- Murid mengikut bacaan dalil naqli oleh rakannya daripada kumpulan Pintar secara talaqqi musyafahah.</li> </ul> <p><b>Produk/Hasil (Beza)</b></p> <p><u>Kumpulan Pintar:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Murid berjaya mempersembahkan pengertian nama Allah al-Alim dan al-Hakim yang telah ditulis dan membuat perbandingan pengertian kedua-duanya.</li> </ul>

---

	<u>Kumpulan Permata:</u> <ul style="list-style-type: none"><li>- Murid berjaya mempersembahkan kad perkataan pengertian nama Allah al-Alim dan al-Hakim yang telah disusun dengan betul.</li></ul>
<b>Aktiviti Penutup:</b> <ul style="list-style-type: none"><li>- Latih tubi melalui lembaran kerja</li></ul>	<b>Produk/Hasil (Beza)</b> <u>Kumpulan Pintar:</u> <ul style="list-style-type: none"><li>- Murid mengisi tempat kosong pengertian nama Allah al-Alim dan al-Hakim.</li></ul> <u>Kumpulan Permata:</u> <ul style="list-style-type: none"><li>- Murid memadankan pengertian al-Alim dan al-Hakim.</li></ul>

---

### Cabaran Pelaksanaan Pedagogi Terbeza

Walaupun terdapat banyak kajian membuktikan keberkesanan pelaksanaan pedagogi terbeza, namun tidak dapat dinafikan bahawa terdapat pelbagai cabaran perlu dihadapi oleh guru untuk mengimplementasikan pendekatan baharu ini dalam pengajaran dan pembelajaran. Beberapa kajian menunjukkan bahawa guru kurang pengetahuan dan pendedahan tentang pelaksanaan pendekatan pedagogi terbeza dalam pengajaran (Zurina et al., 2021c; Danial Arif & Zamri, 2020; Mengistie, 2020). Faktor ini memberikan kesan terhadap tahap pelaksanaan pendekatan ini dalam pembelajaran. Hal ini kerana, tanpa pengetahuan yang mendalam, guru tidak mempunyai keyakinan untuk melaksanakannya dalam sesi pengajaran. Guru juga mengalami kesukaran untuk melaksanakannya secara berkesan apabila tiada pendedahan dan latihan secara intensif diberikan. Hal ini kerana pelaksanaan pedagogi terbeza ini memerlukan penelitian yang rapi dari segi perancangan dalam pengubahsuaian proses, kandungan, hasil dan persekitaran agar bersesuaian dengan keperluan murid.

Di samping itu, kepadatan murid di dalam bilik darjah atau pun bilangan murid yang ramai di dalam kelas menyukarkan pelaksanaan pendekatan ini (Aldossari, 2018). Pendekatan ini menuntut para guru untuk mengenali dan mengenal pasti kecenderungan dan kemampuan setiap murid dengan baik agar guru boleh merancang pembelajaran yang sesuai untuk mereka. Bilangan murid yang terlalu ramai memungkinkan risiko terlepas pandang potensi mereka di dalam bilik darjah. Hal ini tidak menepati konsep keadilan terhadap semua murid seperti yang dihasratkan dalam pelaksanaan pendekatan ini. Isu kepadatan murid di dalam kelas ini merupakan masalah yang sering diperkatakan terutamanya melibatkan sekolah-sekolah kerajaan (Ismajli & Imami, 2018). Rentetan daripada isu bilangan murid yang ramai ini menyebabkan guru sukar untuk mengawal murid di dalam kelas terutamanya apabila melibatkan aktiviti kumpulan dan melibatkan gerak kerja yang memerlukan pergerakan (Ocampo, 2018).

Seterusnya, seperti sedia maklum oleh masyarakat umum, guru sering dikaitkan dengan bebanan tugas yang tidak berkesudahan sehingga mengganggu tugas hakiki sebagai seorang pengajar (Nas Norziela, 2023). Oleh sebab itu, guru tidak dapat menjalankan pendekatan ini dengan berkesan di dalam bilik darjah kerana kekurangan masa terutamanya dalam menyediakan perancangan pembelajaran pedagogi terbeza yang terperinci (Pozas et al., 2020). Di samping kekurangan masa kerana bebanan tugas, guru yang melaksanakannya pula mengalami kekangan masa semasa pelaksanaannya di dalam bilik darjah. Hal ini kerana, dengan peruntukan masa pengajaran yang singkat, guru tidak mampu memastikan semua keperluan setiap murid dapat dipenuhi.

Selain itu, guru juga mengalami kesukaran dalam mendapatkan bahan dan sumber pengajaran yang bersesuaian dengan pelaksanaan pedagogi terbeza (Danial Arif & Zamri, 2020). Bahan pengajaran yang sedia ada adalah terhad dan tidak memenuhi keperluan semua murid. Sepertimana dalam kajian Muzarina et al. (2019) menerangkan bahawa kecerdasan dan kecenderungan murid yang pelbagai mempengaruhi gaya belajar murid. Setiap murid mempunyai gaya belajar yang berbeza sama ada cenderung terhadap

auditori, visual, verbal, kinestetik dan seumpamanya. Pelaksanaan pedagogi terbeza ini akan lebih berkesan sekiranya guru mampu mengenal pasti gaya belajar murid dengan terperinci dan disesuaikan dengan bahan dan sumber pengajaran yang memenuhi keperluan murid.

## **IMPLIKASI PELAKSANAAN PEDAGOGI TERBEZA**

### **Murid**

Melalui pelaksanaan pedagogi terbeza, murid mendapat keadilan dalam pembelajaran sebagaimana yang disarankan dalam teori pembelajaran Ibnu Sahnun (Zurina et al., 2021a). Hal ini kerana, guru mengubah suai proses, kandungan, hasil dan persekitaran pengajaran mengikut tahap pembelajaran dan kemampuan murid. Pengubahsuaian ini mendorong murid belajar secara optimum mengikut aras kognitif mereka (Zamri et al., 2015). Di samping itu, potensi dan penglibatan murid dalam pembelajaran juga dapat ditingkatkan melalui aktiviti pembelajaran bersesuaian yang dijalankan. Konsep pedagogi terbeza yang tidak meminggirkan mana-mana murid di dalam bilik darjah melahirkan rasa diri dihargai dalam kalangan murid, seterusnya mengelakkan masalah keciciran murid dalam pembelajaran.

### **Guru**

Pedagogi terbeza adalah pendekatan pembelajaran berpusatkan murid di mana guru hanya bertindak sebagai fasilitator yang membimbing murid. Tanggungjawab guru untuk menilai pengetahuan sedia ada, tahap kesediaan, minat dan profil pembelajaran murid agar perancangan pengajaran yang dilakukan adalah menepati keperluan pembelajaran setiap murid. Guru juga perlu merancang aktiviti pembelajaran berdasarkan pengubahsuaian terhadap empat elemen penting dalam pedagogi terbeza iaitu proses, kandungan, hasil dan persekitaran. Berdasarkan pengubahsuaian ini, guru dapat menghasilkan pengajaran yang lebih fleksibel (Safiek, 2021) dan dapat menambah baik amalan pengajaran mereka.

Di samping itu, guru juga dapat mengembangkan kreativiti dalam pengajaran sejajar dengan konsep Pembelajaran Abad ke-21 yang menekankan aspek kreativiti melibatkan guru dan juga murid. Guru yang kreatif dapat merangsang kreativiti murid dalam pembelajaran. Hal ini selari dengan saranan KPM (2019) dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia gelombang 2 (SKPMg2) Standard 4 yang menekankan aplikasi pendekatan pedagogi terbeza ini dalam mencapai standard kualiti pengajaran.

### **Sekolah / Pentadbir**

Bagi memastikan keberkesanan pendekatan ini, pihak sekolah bertanggungjawab mewujudkan ruang dan fleksibiliti kepada guru sama ada melalui pengagihan masa mengajar, penyediaan ruang pembelajaran yang kondusif dan pengagihan bebanan kerja yang lebih adil. Hal ini bagi memastikan segala cabaran dan kekangan yang dihadapi oleh guru dalam mengaplikasikan pendekatan ini dapat diminimumkan. Guru tidak seharusnya dibebankan dengan tugas-tugas perkeranian sehingga terpaksa mengabaikan tugas hakiki yang lebih utama iaitu mendidik dan mengajar.

Di samping itu, pihak sekolah perlu merancang pelaksanaan dan penambahbaikan pendekatan ini dalam kalangan guru melalui Latihan dalam Perkhidmatan (LDP) atau melalui pelaksanaan *Professional Learning Community (PLC)* di sekolah. Pendedahan perlu diberikan kepada semua guru agar ia dapat diaplikasikan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan. Pengamalan dan pembudayaan *Lesson Study* dalam kalangan guru merupakan satu inisiatif yang amat baik untuk menambah baik kualiti pengajaran guru. Melalui pelantikan Pakar Rujuk (PR) dalam pelaksanaan *Lesson Study*, guru dapat membuat refleksi terhadap kekurangan dan penambahbaikan yang boleh dilakukan agar pendekatan pedagogi terbeza ini dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin.



## **JPN / PPD**

Pihak Jabatan Pendidikan Negeri atau Pejabat Pendidikan Daerah sebagai organisasi yang bertanggungjawab terhadap isu-isu pendidikan, seharusnya merangka kursus, bengkel atau latihan intensif kepada semua guru terutamanya guru novis untuk menggalakkan pelaksanaan pedagogi terbeza ini dalam pembelajaran. Sepertimana telah dibincangkan oleh beberapa kajian di atas, tahap pengetahuan guru mengenai pendekatan ini masih di tahap yang sederhana. Hal ini menjadi penghalang kepada pelaksanaannya secara lebih meluas di sekolah. Manual dan modul yang disediakan juga perlu diagihkan ke sekolah-sekolah dengan lebih giat agar ia dapat dimanfaatkan oleh para guru dengan sebaiknya.

Di samping itu, pihak JPN seharusnya mempertimbangkan untuk mengurangkan bilangan murid di dalam bilik darjah agar guru mendapat ruang dan peluang untuk menjalankan pengajaran secara lebih adil. Setiap murid berhak mendapat pendidikan yang terbaik di dalam bilik darjah. Bilangan murid yang terlalu ramai meningkatkan risiko keciciran murid dalam pembelajaran. Isu kepadatan murid dalam bilik darjah ini berkait rapat dengan persekitaran pembelajaran yang merupakan salah satu elemen pengubahsuaian dalam pelaksanaan pedagogi terbeza. Oleh yang demikian, dalam memastikan keberkesanan pendekatan ini, persekitaran yang kondusif amat perlu dititikberatkan.

## **IPG / Institut Latihan Guru**

Institut Pendidikan Guru (IPG) sebagai pusat latihan utama bakal pendidik bertanggungjawab memastikan latihan dan pendidikan yang diterima oleh bakal-bakal guru ini menepati keperluan semasa. Para guru pelatih perlu diberikan pendedahan berkaitan pendekatan kontemporari yang menjadi keperluan dalam pelaksanaan Pembelajaran Abad ke-21 termasuklah pendekatan pedagogi terbeza. Hal ini kerana, bakal guru ini adalah individu yang akan menjadi pemangkin kepada perubahan dalam sistem pendidikan apabila mereka ditempatkan di sekolah-sekolah selepas tamat latihan di IPG. Kehadiran guru-guru novis yang berpengetahuan ini dapat membantu mengubah persepsi segelintir guru-guru sedia ada yang kebanyakannya masih berpegang kepada kaedah pengajaran tradisional.

## **KESIMPULAN**

Pedagogi Terbeza adalah salah satu pendekatan Pengajaran Abad ke-21 (PAK21) yang semakin mendapat penekanan dan perhatian dalam dunia pendidikan. Generasi zaman kini yang terdedah kepada pelbagai cabaran telah membentuk profil pembelajaran individu yang pelbagai. Seorang guru yang kreatif akan sentiasa peka kepada perubahan semasa dan bersedia untuk memperbaiki kualiti pengajaran agar dapat memenuhi keperluan semasa. Hal ini selari dengan pandangan Wardyawaty dan Mohd Isa (2020) yang menyatakan bahawa pengajaran dan pembelajaran yang berkesan bergantung kepada kesediaan dan kemahiran guru dalam mengolah corak pengajaran yang bersesuaian dengan dasar pendidikan negara. Rowen et al. (2021) juga berpandangan kesediaan dan kefahaman guru yang mantap amat penting dalam merealisasikan keberkesanan pengajaran. Penulisan kertas konsep ini diharapkan akan dapat membuka minda warga pendidik untuk sentiasa meningkatkan kemahiran dan kreativiti dalam pengajaran terutamanya dalam pengajaran akidah.

## **RUJUKAN**

### **Al-Quran**

- Abd Khahar Saprani & Hapsah Majid. (2021). Pedagogi terbeza. Dlm. Yuznaili Salleh (pnyt). Pedagogi kontemporari (hlm. 18-46). MK e-Solutions Sdn. Bhd.
- Ain Nur Atika Agus. (2021). Tahap pengetahuan dan kesediaan guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan pendekatan terbeza dalam pengajaran dan pembelajaran dirumah semasa tempoh perintah kawalan pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(1), 75-87.
- Aldossari, A. T. (2018). The challenges of using the differentiated instruction strategy: A case study in the general education stages in Saudi Arabia. *International Education Studies*, 11(4), 74-83.
- Anisatun Nur Laila. (2020). Konsep pendidikan informal perspektif Ibnu Sahnun (Telaah Kitab Adab Al-Muallimin). *Indonesian Journal of Islamic Education Studies (IJIES)*, 3(1), 31-47.
- Danial Arif Abdul Muttalip, & Zamri Mahamod. (2020). Pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza dalam kalangan guru bahasa Melayu yang mengajar di sekolah rendah pedalaman kategori 3. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(2), 29-42.
- Hamir Hamzah Jaafar, & Mohamad Hilmi Mat Said. (2019). Inovasi pengajaran untuk menarik minat pelajar menguasai ilmu tajwid. *International Journal of Humanities Technology and*, 1(6), 1689-1699.
- Ismajli, H. & Imami-Morina, I. (2018). Differentiated instruction: Understanding and applying interactive strategies to meet the needs of all the students. *International Journal of Instruction*, 11(3), 207-218.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Panduan Pelaksanaan Pendidikan Abad ke-21.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). Laporan Tahunan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). Manual Pembelajaran Terbeza.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2022). Modul Pedagogi Terbeza.
- Mengistie, S.M. (2020). Primary school teachers' knowledge, attitude and practice of differentiated instruction: the case of in-service teacher-trainees of Debre Markos College of Teacher Education, West Gojjam Zone, Amhara Region, Ethiopia. *International Journal of Curriculum and Instruction*, 12(1): 98– 114.
- Mohammad Syafiq Ismail. (2020). Adab para guru (Edisi Ketiga). ABIM.
- Mohd Haidi Mohd Kasran. (2021). Kerangka Akidah dalam Kurikulum Pendidikan Rendah di Malaysia. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 9(3), 3-12.
- Muzarina Juhari, Ku Suhaila Ku Johari, & MohdIzwan Mahmud. (2019). Kecerdasan pelbagai dan minat kerjaya dalam kalangan pelajar sekolah menengah. *Global Conferences Series: Social Sciences, Education and Humanities*, 1(9): 133–141.
- Nas Norziela Nasbah. (2023, 3 Januari). Bebanan tugas guru, bila akan selesai? Berita Harian Online, <https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2023/01/1047119/bebanan-tugas-guru-bila-akan-selesai>
- Nor Azizah Mustapha, Fariza Md Sham & Ahmad Irdha Mokhtar. (2019). Program dakwah di Insitut Pemantapan Perkaderan Akidah Malaysia (IPHAM) dalam memantapkan akidah remaja. *Al-Hikmah*, 11(2), 3-19.
- Nor Shahida Baharudin, Abdul Rahim Razalli & Kama Shaffeei. 2023. Analisis keperluan pembangunan aplikasi “E-Ibadah) dalam pengajaran Pendidikan Islam murid ketidakupayaan pendengaran. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16(Special Issue), 15-32.
- Norfarahzatul Asikin Zakari, Mohamad Zuber Abd. Majid & Muhammad Hussin. (2022). Keciciran murid sekolah di Malaysia: Suatu pemerhatian awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(2), 1-11.
- Nurhayati. (2015). Pemikiran Ibnu Sahnun dalam perspektif Islam. *Jurnal Studi Pemikiran Riset Pengembangan Pendidikan Islam*, 4(2), 81-100.
- Nursafra Mohd Zhaffar, Mohd Asyran Safwan Kamaruzaman & Mohd Haidhar Kamarzaman. (2022). Penggunaan model pengajaran al-Ghazali dalam konteks pengajaran berfikir kritis. *Islamiyyat: Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam*, 44: (71-83).
- Ocampo, D.M. (2018). Effectiveness of differentiated instruction in the reading comprehension level of Grade-11 senior high school students. *Asia Pacific Journal of Multidisciplinary Research*, 6(4), 1-10.
- Pozas, M., Letzel, V., Schneider, C. (2020). Teachers and differentiated instruction: Exploring differentiated practices to address student diversity. *Journal of Research in Special Educational Needs*, 20(3), 217-230.
- Rafika Ulfa. (2019). Konsep pedagogik dalam pemikiran Ibnu Sahnun. *Jurnal Pendidikan dan Keislaman*, 1(1).
- Rathaneswaary Derbala & Ruhizan M. Yasin. (2022). Tahap pengetahuan, penerimaan, kesediaan dan amalan pengajaran Guru Pemulihan Khas terhadap pengajaran terbeza. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(4), e001445.

- Rosidah Ramli & Nurahimah Mohd Yusoff. (2020). Pengaruh pengetahuan pedagogi kandungan terhadap amalan pedagogi terbeza guru-guru sekolah menengah Zon Pantai Timur Malaysia. *ICTE'20: International Conference Teacher Education, II(APRIL)*: 9-20.
- Rosyati Manaf & Kamariah Abu Bakar. (2022). Penggunaan kad huruf dalam pembelajaran dan pemudahcaraan kemahiran membaca kanak-kanak prasekolah. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 15(Special Issue), 76-82.
- Rowen Tingang Musa, Nor Suriya Abd Karim, Nur Hmiza Adenan, Rawdah Adawiyah Tarmizi, Noor Wahida Md Junus & Vicky Ezekiel Anak Kelong. 2021. Tahap kesediaan guru pelatih Matematik UPSI dalam melaksanakan PAK21. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 14(Special Issue), 82-91.
- Safiek Mokhlis. (2021). Persepsi dan pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza dalam kalangan guru prasekolah. *Borneo International Journal*, 4(3), 9-18.
- Siti Aishah Hassan, & Che Suriani Kiflee. (2018). Kaedah pengajaran keterbezaan dalam pendidikan pintar dan berbakat. *E-Journal of Education*, 7(2), 12-21.
- Thomas, A. (2009). *Multiple intelligences in the classroom* (3rd ed). ASCD.
- Tomlinson, C. A. (1999). *The differentiated classroom: responding to the need of a learners*. Association for Supervision and Curriculum Development.
- Tomlinson, C. A. (2010). *Leading and Managing a Differentiated Classroom*. Association for Supervision and Curriculum Development.
- Tomlinson, C. A. (2014). *The differentiated classroom: responding to the needs of all learners* (2nd edition), ASCD.
- Tomlinson, C. A. (2017). *Differentiate Instruction In Academically Diverse Classroom* (3rd Edition), VA USA.
- Wardyawaty Rajikal & Mohd Isa Hamzah. (2020). Kajian sistematik pengajaran abad ke-21 (PAK21) dalam kalangan Guru Pendidikan Islam (GPI). *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 4(2), 103-113.
- Zamri Mahamod, Ruslin Amir, & Mohamed Amin Embi. (2015). *Kepelbagaian Pelajar dan Perbezaan Pembelajaran: Dewan Bahasa dan Pustaka*.
- Zurina Mustaffa, Zaharah Hussin, & Abdul Muhsien Sulaiman. (2021a). Kaedah pengajaran pedagogi terbeza dalam konteks gaya belajar dan keadilan kepada murid: Pemikiran Ibn Sahnun. *GJAT*, 11(2): 86-96.
- Zurina Mustaffa, Zaharah Hussin, & Abdul Muhsien Sulaiman. (2021b). Pedagogi terbeza untuk pengajaran guru terhadap kepelbagaian murid. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(9), 202-214.
- Zurina Mustaffa, Zaharah Hussin, & Abdul Muhsien Sulaiman. (2021c). Tahap pengetahuan kurikulum dan amalan pedagogi terbeza guru-guru Pendidikan Islam Zon Selatan Malaysia. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 7(2), 1-11.